

Tuduhan anak2 waris um. cuba dapatkan kunci 20/1/88 balai mengelirukan

SEREMBAN 19 Jan. — Tuduhan liar yang dibuat dengan menyatakan anak-anak waris di air cuba mendapatkan kunci balai rasmi Undang Luak Sungai Ujung daripada Setiausaha Kerajaan Negeri awal tahun ini disifatkan sebagai tidak berasas sama sekali dan mengelirukan.

Jurucakap anak waris di darat, Datuk Johan Razali Khalid memberitahu Utusan, usaha itu dibuat ekoran Datuk Andika Mandalika Mohamad Fadzil Nordin selaku Ketua Lembaga Waris di darat dan juga Lembaga Tua Tiang Balai Luak ini meminta jasa baik Datuk Shah Bandar Luak Sungai Ujung, Datuk Kapten (B) Shaari Haji Hassan supaya menguruskan hal mendapatkan balai rasmi itu yang ditutup pada Ogos tahun lalu.

Katanya ia dibuat dalam satu majlis tidak rasmi di kediaman Datuk Andika Mandalika dengan disaksikan oleh seorang Datuk Lembaga Tiang Balai Luak ini bersama tua-tua waris di darat dan di air.

Beliau menjelaskan tujuan mengambilalih semula balai rasmi itu adalah untuk membuat beberapa kerpatan adat dalam usaha mencari penyelesaian segala kekusutan adat yang berlaku di luak ini termasuk isu pemilihan dan perantikan menyandang pusaka undang ke-10 luak ini.

"Dakwaan yang dibuat dalam sebuah akhbar tem-

patan (bukan Utusan) adalah tidak benar dan mengelirukan dan boleh menjejaskan imej penyandang pesaka Datuk Shah Bandar luak ini," ujarnya.

Datuk Johan Razali menafikan kononnya anak-anak waris di air tidak boleh campurtangan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra, Undang ke-10 Luak Sungai Ujung kerana dalam aturan adat dan pesaka luak ini ada menggariskan "jika tumbuh, gaduh, gadah di dalam waris di darat maka waris di air menyelesaikannya dan demikian juga sebaliknya."

Beliau bagaimanapun mempertikaikan campurtangan Datuk Seri Maharaja Azman Jamlus dalam urusan pemilihan undang ke-10 luak ini sedangkan

kedudukan beliau sebagai penyandang pesaka telah digantung oleh Datuk Shah Bandar.

"Kehadiran Datuk Azman Jamlus dalam urusan membuat pemilihan adalah tidak mengikut adat dan diibaratkan tetamu tidak diundang," katanya.

Beliau menjelaskan tujuan menubuhkan jemaah tertinggi adat bukan untuk kepentingan sendiri tetapi semata-mata mencari jalan bagi menyelesaikan segala masalah dan kekusutan adat yang berlaku pada hari ini.

Serentak dengan itu beliau mencabar mana-mana pihak untuk membuktikan bahawa jemaah itu dibuat bagi kepentingan golongan tertentu yang tidak seperti yang dikehendaki di dalam adat.